

CNS9600

U GB 05-03 00179 BH005

AAB

Mahathir - Soalan ''''

Daripada Sukardi Abdul Ghany

I

DENPASAR, 5 Mac (Bernama) -- Keanggotaan Jepun dalam Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) tidak mungkin mencatatkan kredibiliti kumpulan itu seperti yang dikhuatiri oleh sesetengah pihak, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan.

Apabila penubuhan EAEG terlaksana, kumpulan itu, sebagai sebuah entiti, akan mempunyai suara semasa perundingan dan bukan anggota kumpulan itu.

Semasa menjawab soalan pada persidangan akhbar selepas menyampaikan ucapan pentingnya di sini malam tadi, beliau berkata, sekiranya Jepun menganggotai kumpulan itu maka EAEGlah yang akan mempunyai suara dalam sebarang rundingan.

Delegasi Switzerland yang memetik laporan bancian di negaranya yang menganggap bahawa Jepun merupakan negara paling banyak melakukan kesalahan perdagangan, bertanya sama ada kemasukan Jepun akan mencatatkan kredibiliti kumpulan yang akan ditubuhkan itu.

Jawapan pantas oleh Datuk Seri Dr Mahathir semasa sesi soal-jawab selepas menyampaikan ucapan pentingnya pada Persidangan Antarabangsa mengenai Asean dan Ekonomi Dunia itu mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 1,000 peserta yang menghadiri mesyuarat tiga hari itu yang berakhir lewat hari ini. -- Lagi.

♥05/03/11-50MST

CNS9608

U GB 05-03 00142 BH006

AAB

Mahathir - Soalan 2 Denpasar

Ia juga merupakan sesi paling bersemangat yang menarik minat para peserta dan pemerhati di persidangan itu, kata para pegawai.

Perdana Menteri, terdahulu daripada itu menyampaikan ucapannya yang bertajuk: +Daripada Konfrontasi Kepada Kerjasama: Agenda Asean Bagi Keamanan Produktif+ yang menyentuh pelbagai isu-isu ekonomi termasuk cadangan penubuhan EAEG dan peranan Asean dalam menghadapi cabaran-cabaran ini.

Pada sesi itu, beliau juga menjawab soalan-soalan mengenai Dasar Perlindungan dan Dasar Pensewastaaan Malaysia, parti politik Islam dan lesen-lesen bank.

Mengenai dasar perlindungan, beliau menegaskan bahawa negara-negara sedang membangun mempunyai hak untuk menjaga diri mereka daripada +Orang yang lebih agresif, lebih mampu, yang lebih kaya...+

+Jika tidak kita tidak akan dapat maju sama sekali. Bagaimanapun terdapat had kepada perlindungan seumpama itu,+ katanya sebagai menjawab soalan seorang delegasi wanita dari Hong Kong. -- Lagi.

♥05/03/12-09MST

CNS9620

U GB 05-03 00154 BH007

AAB

Mahathir - Soalan 3 Denpasar

+Apabila yang mampu, yang termaju, negara terkaya melindungi pasaran mereka maka saya berpendapat cara itu adalah salah... tidak boleh diterima amalan dasar perlindungan seperti itu,+ katanya.

Sambil menyebut Malaysia sebagai contoh, beliau berkata, ia adalah pasaran bebas yang dibanjiri oleh hasil keluaran anegara-negara asing daripada seluruh dunia.

+Kita tidak melindungi diri kita keseluruhannya. Kita mengamalkan dasar terbuka, katanya sambil menegaskan bahawa dasar perlindungan yang terhad diperlukan pada masa ini untuk membantu pertumbuhan negara.

+Apabila kita sudah mampu, seperti negara-negara maju maka pada masa itu barulah kita boleh mengetepikan halangan-halangan kecil (perlindungan),+ katanya sambil menerima tepukan gemuruh daripada para hadirin yang antaranya termasuk Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong.

Semasa menjawab soalan delegasi Amerika Syarikat yang bertanya mengenai masalah fundamentalis Islam di Malaysia, beliau kesal terhadap salah anggapan oleh orang asing yang tidak memahami isu sebenarnya. -- Lagi.

♥05/03/12-26MST

CNS9623

U GB 05-03 00151 BH008

AAB

Mahathir - Soalan 4 Denpasar

+Tidak ada masalah sama sekali dengan fundamentalis Islam...Apa yang anda gelarkan sebagai fundamentalis, di sini kami memanggilnya dengan nama ekstremis atau kumpulan sesat,+ katanya sambil memberi contoh UMNO sebagai parti fundamentalis Islam, yang telah mengalahkan sebuah parti yang kononnya memperjuangkan Islam pada setiap pilihan raya umum.

Beliau mengakui pada masa ini sebuah negeri di Malaysia sedang diperintah oleh parti yang kononnya memperjuangkan Islam itu.

+Bagaimanapun, mereka bukan fundamentalis... Kamilah fundamentalis. Kumpulan fundamentalis lebih baik,+ katanya dengan disambut oleh gelak ketawa daripada para hadirin.

Seorang perwakilan dari Indonesia kemudian bertanyakan mengenai dasar bank Malaysia, dan kemungkinan bank-bank Indonesia membuka cawangan di Malaysia, sama seperti yang dinikmati oleh bank-bank Singapura.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bank-bank terbabit di Singapura itu sebenarnya diasaskan di Malaysia sebelum pemisahan kedua-dua negara dan ada setengah daripadanya diwujudkan sebelum merdeka. -- Lagi.

♥05/03/12-35MST

AAB

Mahathir - Soalan 5 Denpasar

Beliau berkata, kebiasaannya sesebuah bank perdagangan asing dibenar menjalankan perniagaan pada dasar timbal-balik, kecuali bagi bank-bank milik kerajaan asing.

+Saya tidak tahu sama ada terdapat cawangan bank Indonesia di Malaysia pada masa ini. Sekiranya ada, kita juga sepatutnya mempunyai cawangan di Indonesia...,+ katanya.

Ketika menjawab soalan daripada seorang perwakilan dari Korea Selatan mengenai dasar penswastan, beliau berkata, Malaysia menggalakkan syarikat-syarikat asing membuat cadangan dan tawaran dalam mengenal pasti projek-projek yang boleh diswastakan.

+Syarikat-syarikat asing mempunyai peranan dalam proses penswastan di Malaysia... dalam bidang yang kita memerlukan kepakaran dan modal asing,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang tiba di sini Sabtu lepas bersama-sama Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selepas singgah di Jakarta pada sehari sebelum itu, berlepas ke Pulau Batam pagi ini untuk melihat pembangunan di pulau tersebut yang dihubungkan kepada konsep pertumbuhan segi tiga bersama-sama Johor Baharu dan Singapura.

Beliau diiringi oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik manakala wakil khas Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, Datuk Musa Hitam, yang mengiringi Perdana Menteri ke sini, telah pulang ke Kuala Lumpur.

Sementara itu, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah singgah di Jakarta untuk mengetuai rombongan Badan Amal Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) untuk lawatan enam hari ke Indonesia bermula esok.
— Bernama.

♥05/03/12-39MST